



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

18 September 2015 / 4 Zulhijjah 1436

Kelebihan Bulan Zulhijjah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي مَنَّ عَلَيْنَا أَيَّامًا مَعْلُومَاتٍ، وَأَلْهَمَنَا فِعْلَ
الْخَيْرَاتِ وَتَرَكَ الْمُنْكَرَاتِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ مَنْبَعُ
الْقُرْبَاتِ وَسَيِّدُ الْمَخْلُوقَاتِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا
الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Keimanan dan ketakwaan adalah kurniaan Allah yang hanya Dia mampu meletakkan di dalam hati seorang insan. Oleh itu, marilah kita mensyukuri nikmat ini dengan terus memeliharanya dan memperkukuhkan ketakwaan.

Saudara,

Dalam usaha kita memelihara dan memperkukuh keimanan, kita tidak boleh melepaskan diri kita daripada proses yang amat

penting iaitu ibadah yang disertai penghayatan. Kita kini berada pada musim di mana jutaan jemaah haji telah pun memulakan perjalanan kerohanian mereka menuju rumah Allah. Untuk yang pernah mengalaminya, ia merupakan suatu perjalanan yang diisi dengan keikhlasan dan pengharapan agar ibadah hajinya diterima Allah. Ia merupakan perjalanan ibadah yang tidak mudah dilupai. Mengapa ia boleh meninggalkan kesan sedemikian mendalam kepada sekian ramai jemaah haji saudara? Ini antara lain adalah kerana ia disertai penghayatan akan tujuan ibadah, pengharapan sepenuhnya pada Allah s.w.t. serta fokus dalam ibadah. Ini ditambah lagi dengan hakikat mereka mengetahui besarnya ganjaran beribadah di tanah suci.

Untuk kita yang masih berada di negara sendiri, masih ada pelbagai keistimewaan yang disediakan oleh Allah pada awal sepuluh hari bulan Zulhijjah ini yang boleh kita rebut saudara. Allah s.w.t. berfirman di dalam surah Al-Fajr ayat 1-2:

وَالْفَجْرِ ۝١
وَلَيَالٍ عَشْرٍ ۝٢

Yang bermaksud: *“Demi [waktu] fajar dan demi sepuluh malam”*.

Ulama tafsir menyebutkan bahawa sepuluh malam istimewa yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah sepuluh hari pertama Zulhijjah. Nabi s.a.w. juga pernah menekankan betapa agungnya ibadah pada sepuluh hari ini dalam sabdanya: *“Tidak ada hari yang paling agung dan amat dicintai Allah untuk berbuat kebajikan di dalamnya daripada sepuluh hari (Zulhijjah)”*

ini. Maka perbanyaklah pada saat itu tahlil, takbir dan tahmid”.
[Hadith riwayat Imam Ahmad].

Alhamdulillah, kita kini berada dalam sepuluh hari pertama daripada bulan Zulhijjah. Umur kita tidak panjang saudara, maka apa jua peluang yang diberi Allah, untuk kita raih curahan rahmahNya, rebutlah peluang tersebut. Perbanyakkan amalan kita, tidak kiralah samada bersedekah mahupun membantu sesiapa yang memerlukan. Untuk mereka yang mampu, usahakanlah agar dapat melaksanakan ibadah korban pada Eidul Adha nanti. Tambahan dari itu, terdapat beberapa perkara yang dianjurkan Nabi s.a.w. dan para ulama kita untuk diamalkan sepanjang sepuluh hari ini.

Pertama saudara, perbanyakkanlah berpuasa. Ini kerana Nabi s.a.w. bersabda: *“Tidaklah seorang hamba berpuasa sehari di jalan Allah melainkan Allah pasti menjauhkan dirinya dengan puasanya itu dari api neraka selama tujuh puluh tahun”* [Muttafaqun ‘Alaih]. Jika tidak dapat pada kebanyakan hari pastikan sekurang-kurangnya kita berpuasa pada 9 Zulhijjah atau hari Arafah. Ini kerana Nabi s.a.w pernah bersabda *“Berpuasa pada hari Arafah karena mengharap pahala dari Allah melebur dosa-dosa setahun sebelum dan sesudahnya”* [Hadith riwayat Imam Muslim].

Subhanallah saudara, begitu sekali istimewanya puasa Arafah sehingga dosa sepanjang dua tahun akan dihapuskan Allah

hanya dengan puasa sehari. Maka usahakanlah agar kita dan keluarga dapat bersama meraih kelebihan ini. Bahkan Nabi s.a.w. menjanjikan bahawa saat doa seseorang itu makbul adalah apabila ia sedang berpuasa. Maka perbanyakkanlah juga berdoa yang baik ketika kita sedang berpuasa pada hari-hari ini.

Selain itu saudara, perbanyakkanlah berzikir dan mengingati Allah s.w.t. Bacalah al-Quran seperti mana giatnya kita di bulan Ramadan. Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Hajj ayat 28:

وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ

Yang bermaksud: *".... dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari-hari yang telah ditentukan ..."*

Ibn Abbas r.a. menyebutkan bahawa yang dimaksudkan dengan hari-hari tertentu di dalam ayat ini adalah sepuluh hari pertama Zulhijjah. Oleh kerana itu, para ulama menganjurkan untuk memperbanyak dzikir pada hari-hari tersebut, berdasarkan hadith dari Ibnu Umar r.a. *"Maka perbanyaklah pada hari-hari itu tahlil, takbir dan tahmid"*. [Hadits riwayat Imam Ahmad]

Saudaraku,

Musim ibadah dan waktu istimewa seperti sepuluh hari awal Zulhijjah ini merupakan masa untuk kita memperbaiki

kekurangan diri dan memohon pengampunan atas dosa kita. Untuk itu, luangkanlah **masa yang lebih untuk beribadah**, bertafakkur memikirkan keagungan Allah, mengenang segala nikmat yang telah Dia kurniakan kepada kita dan bagaimanakah telah kita gunakannya. Hayatilah benar-benar segala ibadah yang kita lakukan. Tanyakan kepada diri kita, apa yang telah kita sediakan untuk saat apabila kita bertemu Allah nanti.

Saudaraku, kita ini menginginkan syurga dan kita mendambakan nikmatnya. Namun apakah yang telah kita lakukan untuk layak menjadi penghuninya? Perbanyakkanlah bermuhasabah dalam kita beribadah. Mudah-mudahan Allah s.w.t. menerima segala amalan kita. Semoga ia menjadi pendinding kita dan keluarga daripada api neraka Allah dan mendorong kita masuk ke dalam syurgaNya kelak. Semoga Allah memelihara semua jemaah haji kita dan mengurniakan mereka haji yang mabrur. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.